

# 'Elak guna sumber bawah tanah'

**Klang:** Orang ramai dinasihatkan tidak menggunakan air bawah tanah tanpa sebarang saringan, dalam memenuhi keperluan bekalan sepanjang musim panas ini.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata air bawah tanah mungkin mempunyai kandungan logam tinggi dan akan memberikan kesan kepada kesihatan.

“Di peringkat Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), kita ada kualiti dan piawai yang ditetapkan.

“Cuma ada beberapa kawasan ini, usaha untuk mengambil air bawah tanah dibuat sendiri dan tidak ikut pihak berkuasa. Justeru, kita kena pantau.

“Apa terbaik ialah menggunakan bekalan air yang mendapat pengiktirafan daripada SPAN. Itu nasihat kerajaan kepada orang ramai,” katanya, di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada terdapat sebarang kuantiti penggunaan air tanah dibenarkan bagi menampung gangguan bekalan air ketika musim panas.

Dalam pada itu, Nik Nazmi berkata, kementeriannya secara keseluruhan sudah bersiap sedia menghadapi kemungkinan akibat cuaca panas dan kering yang dijangka berlarutan sehingga Ogos depan.